

# Cinta suami isteri



NABI Muhammad SAW pernah bersabda: "Sebaik-baik kamu adalah yang terbaik terhadap keluarganya dan aku adalah yang terbaik dari kamu terhadap keluargaku. Orang yang memuliakan kaum wanita adalah orang yang mulia, dan orang yang menghina kaum wanita adalah orang yang tidak tahu budi." (Riwayat Abu 'Asakir)

Dalam hidup, kita tidak boleh menjadi contoh kepada orang lain dan tidak boleh melakukan perkara tanpa merujuk kepada kaedah atau cara hidup Baginda SAW, terutama dalam bab kekeluargaan. Nabi Muhammad SAW menunjukkan teladan yang sangat baik terhadap isteri-isterinya. Bagaimana Nabi SAW mendidik anak-anaknya sehingga mereka sangat taat kepada ALLAH dan Rasul-Nya.

## ANAK MUDA KURANG ILMU

Namun hari ini, kita lihat kes penceraian yang berlaku dalam negara sangat membimbangkan. Ramai yang kahwin dan ramai juga bercerai. Pada 2010, seramai 41,544 pasangan bercerai dan jumlah tersebut meningkat dari tahun ke tahun sehinggalah pada 2014 kepada 53,000 kes.

Pendakwah, **Ustaz Dr Izhar Ariff Mohd Kashim** ketika menyampaikan tazkirah Maghrib - Cinta Suami Isteri di Masjid Asy-Syarif, Gombak pada 15 Februari lepas menjelaskan, mentaliti anak muda hari ini yang kekurangan ilmu mengenai hukum-hakam agama menyebabkan mereka tidak dapat memahami Islam secara sebenarnya.

Mereka seperti 'main-main' dengan hukum-hakam yang ALLAH tetapkan.

"Kes yang saya ceritakan ini berlaku di tempat saya mengajar, ada dua anak muda (lelaki dan perempuan) yang perempuan menangis teresak-esak dan si lelaki pula tak habis-habis mengucapkan Allahuakbar. Saya tanya kenapa? Jawab si lelaki, dia telah mentalak wanita itu.

"Saya bagi tazkirah percuma mengenai talak kepada pasangan itu selama 30 minit. Saya jelaskan kalau awak talak tiga wanita ini maka si wanita ini perlu berkahwin lain dan melakukan persetubuhan dengan suaminya dan apabila suaminya menceraikannya, barulah awak boleh berkahwin dengannya balik. Rupa-rupanya pasangan itu belum berkahwin, cumanya mereka bergaduh dan lelaki tersebut mengatakan dia mentalak perempuan itu.

"Saya tergamam dan inilah situasinya apabila lelaki tidak ada ilmu dan wanita juga begitu. Kerana itulah, Nabi SAW akan memastikan sahabat yang tinggal di seluruh Madinah Munawarah untuk ke masjid dan mendengar apa yang Baginda SAW sampaikan. Kita lihat masjid dimonopoli oleh golongan tua, di sesetengah masjid, terlalu sukar untuk melihat orang muda yang ramai," jelasnya.

Menurutnya, bukan golongan muda tidak mahu datang ke masjid, tetapi disebabkan beberapa masalah seperti tiada penjaga untuk anak, kalau bawa ke masjid mesti banyak masalah, macam mana kalau anak menangis,

mengganggu jemaah lain dan akhirnya anak akan dimarahi.

"Masjid sepatutnya mesra jemaah dengan membiarkan ibu bapa muda ini membawa anak mereka.

"Jika di negara Arab, pada waktu malam ibu bapa akan keluar ke masjid beriringan dengan anak. Bahkan kelihatan juga anak kecil yang cuba-cuba untuk bersolat," katanya.

Dalam Mazhab Syafie, Imam Nawawi sendiri menjelaskan dalam Kitab Majmu' Syarh Al-Muhazzab, kalau anak kecil itu belum bersunat, tanggungjawab bapa perlu membasuh kemaluan anaknya dengan sebersih-bersihnya

dan mewudukkan anaknya. Jika anak itu sembahyang maka solatnya sah dan kalau duduk di antara orang tua contoh kedudukan budak, orang tua, budak, orang tua, ia sah. Ramai yang tidak ada ilmu apabila bercakap perihal ini.

Kita kena teladani suasana menuntut ilmu pada zaman Nabi SAW. Panggil golongan muda dan tua untuk bersama datang ke masjid. Apabila mereka minat datang ke masjid, mereka akan dengar tazkirah dan biarkan anak-anak kecil bermain di belakang.